

Tiga isu tumpuan sidang kemuncak ASEAN

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Isu-isu ekonomi, politik dan sosial adalah antara perkara-perkara yang menjadi tumpuan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan dengan Malaysia sebagai tuan rumah dari 6 hingga 14 Disember 2005.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata selain kandungan ekonomi dan politik, sidang kemuncak itu akan juga membincangkan bidang-bidang lain yang berkaitan dengan masyarakat Asia.

"Kami akan mengadakan mesyuarat rasmi untuk membahaskan isu-isu ini serta

merangka perisytiharan-perisytiharan yang akan dikemukakan pada sidang kemuncak pemimpin-pemimpin," katanya pada pelancaran media Pameran Perniagaan Asia Timur 2005 (EABEX '05) di sini, hari ini.

EABEX '05 diadakan sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-11 dan Sidang Kemuncak Asia Timur yang pertama.

Acara itu dianjurkan bersama oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dengan tujuan memperluaskan peluang-peluang perniagaan dalam bidang perdagangan dan

pelaburan.

Rafidah berkata sidang kemuncak yang akan berlangsung pada bulan Disember itu dijangka menghasilkan sesuatu yang lebih mencerminkan entiti negara-negara Asia Timur, bukan sekadar negara-negara ASEAN sahaja.

"Seperti yang kita maklum pada peringkat Asia Timur, memang ada pelbagai kerjasama mengenai perkara-perkara ekonomi," katanya.

Sidang Kemuncak ASEAN merupakan mesyuarat tahunan yang diadakan secara bergilir-gilir oleh negara yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN.

Sidang-sidang kemuncak berkaitan yang akan berlangsung pada sekitar masa yang sama ialah Sidang Kemuncak ASEAN + 3 Kesembilan, Sidang Kemuncak ASEAN-China Kesembilan, Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun Kesembilan, Sidang Kemuncak ASEAN-Korea Kesembilan dan Sidang Kemuncak ASEAN-India Keempat.

Malaysia juga akan menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak ASEAN-Russia Pertama.

Tumpuan mesyuarat-mesyuarat peringkat tinggi ini ialah pengajuran Sidang Kemuncak Asia Timur Pertama pada 14 Disember.



RAFIDAH AZIZ